

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

HMP 204 - Linguistik Sejarah dan Perbandingan
Bahasa Melayu-Polinesia

Tarikh: 8 April 1986

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan sahaja. SOALAN NO. 1 di dalam Bahagian A
MESTI dijawab, SATU(1) soalan daripada Bahagian B dan DUA(2)
soalan daripada Bahagian C.

BAHAGIAN A - Soalan ini mesti dijawab. (40 markah)

1. Jawab dengan ringkas tiap-tiap perkara berikut:
(5 markah setiap satu)

- (a) Terangkan pendapat anda sama ada faktor kebetulan (anomaly) atau faktor ikonik (analogi) lebih banyak dalam pembentukan kata-kata dalam sesuatu bahasa.
- (b) Mengapakah keluarga bahasa Melayu-Polinesia menjadi tumpuan kajian sarjana-sarjana bahasa di Barat pada abad ke-19?
- (c) Bagaimanakah terjadinya kognat kata dalam dua bahasa yang sekeluarga?
- (d) Bagaimanakah kaitan kekerabatan bahasa-bahasa dalam sesuatu keluarga bahasa digambarkan?
- (e) Terangkan kaedah dalaman.
- (f) Terangkan perubahan apokop.

(g) Apakah beza antara glotokronologi dan leksikostatistik?

(h) Mengapakah sesuatu kawasan disebut "relic area"?

BAHAGIAN B - Jawab satu(1) soalan sahaja. (30 markah)

2. Cuba bandingkan hukum bunyi Grimm dalam keluarga bahasa Indo-Eropah dengan hukum bunyi Brandes dalam keluarga bahasa Melayu-Polinesia dengan memberikan contoh-contoh.
3. Terangkan bilakah agaknya perpisahan nenek moyang Melayu dan nenek moyang Tagalog berdasarkan data di bawah ini dengan menggunakan rumus-rumus leksikostatistik Waktu Pisah dan Digri Hubungan Leksikal. (Kognat 1/3% diabaikan)

<u>Melayu</u>	<u>Tagalog</u>
aku	ako
əŋkaw	ikaw
səmua	lahat
anjin	aso
panjaj	haba
banyak	marami

Tabel Logaritma:

N	<u>0.00</u>	<u>0.01</u>	<u>0.02</u>	<u>0.03</u>	<u>0.04</u>	<u>0.05</u>
0.1	-2.303	-2.207	-2.120	-2.040	-1.966	-1.897
0.2	-1.609	-1.561	-1.514	-1.470	-1.427	-1.386
0.3	-1.204	-1.171	-1.139	-1.109	-1.079	-1.050
0.4	-0.916	-0.892	-0.868	-0.844	-0.821	-0.799
0.5	-0.693	-0.673	-0.654	-0.635	-0.616	-0.598
0.6	-0.511	-0.494	-0.478	-0.462	-0.446	-0.432
0.7	-0.357	-0.342	-0.329	-0.315	-0.301	-0.288
0.8	-0.223	-0.211	-0.198	-0.186	-0.174	-0.163

BAHAGIAN C - Jawab dua(2) soalan sahaja. (30 markah)

4. Dengan memberikan nama-nama penyelidik bahasa, terangkan perkembangan kajian keluarga bahasa Melayu-Polinesia sepanjang abad ke-20 ini.
5. Bagaimanakah rekonstruksi sesuatu fonem dalam sesuatu bahasa purba (sulung) dibuat?
6. Bagaimanakah pendapat anda tentang teori-teori tanah asal Melayu-Polinesia?
7. Bagaimanakah menentukan sejarah migrasi sesuatu bangsa zaman dahulu sebelum ada tulisan?

-ooo000ooo-